

Kolej Inti lancar program bantu 63 pelajar miskin

KOLEJ Inti menganjurkan program "Kami juga ada impian" bagi membantu 63 pelajar miskin, di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Ladang Batang Benar, Mantin dan Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Ahmad Manaf, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Pelajar daripada keluarga miskin menerima sumbangan seperti beg sekolah, alat tulis, uniform sekolah dan yuran persekolahan.

Kolej Inti juga mengadakan Program Anak Angkat sebagai usaha jangka panjang untuk membantu murid di kawasan Nilai, terutama dalam meningkatkan prestasi pelajaran mereka.

Guru Besar SK Dato' Ahmad Manaf, Zainal Abidin Ahmad, berkata sumbangan pihak Kolej Inti, sekurang-kurangnya dapat meringankan tanggungan keluarga murid terabit.

Katanya, pihak sekolah sangat berbesar hati di atas sum-

bangsan yang diberikan dan Kolej Inti menjadi pihak swasta pertama yang menganjurkan sumbangan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan Pelajar, Kolej Inti, Dr Sia Ah Hiok berkata, pihaknya berbangga kerana dapat mengambil bahagian dalam projek berkenaan bagi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap murid keluarga kurang berada.

"Kami turut prihatin terhadap masalah pelajar miskin dan sumbangan yang tidak seberapa itu, sedikit-sebanyak dapat membuatkan mereka gembira dan mememanfaatkannya," katanya.

Sumbangan itu adalah hasil kutipan kakitangan kolej dan orang ramai.

Pihak kolej juga menyarankan sukarelawan daripada mahasiswa dan pensyarah untuk memberi khidmat dan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan.



SEBAHAGIAN murid SK Dato' Ahmad Manaf bersama sumbangan yang diserahkan Kolej Inti.